


# PANDUAN PERMOHONAN PENEMPATAN DAN PENANGGUHAN BAGI PEGAWAI PERGIGIAN (e-Dentist)

*Kementerian Kesihatan Malaysia*

# PANDUAN PERMOHONAN PENEMPATAN DAN PENANGGUHAN BAGI PEGAWAI PERGIGIAN (E-DENTIST)

**Capaian ke e-Dentist**

Terdapat beberapa capaian untuk ke menu laman web permohonan penempatan dan penangguhan Pegawai Pergigian. Pemohon boleh taip pada URL seperti di bawah untuk pergi laman web tersebut:-

http://eplacement.moh.gov.my

http://edentist.moh.gov.my



## PAPARAN UTAMA e-Dentist DAN PENDAFTARAN BARU PEMOHON




## Pendaftaran Baru

1. Menu pendaftaran baru berfungsi bagi melaksanakan proses mendaftar Pegawai Pergigian yang masih belum mendaftar ke dalam sistem e-Dentist. Notifikasi melalui **email** daripada pihak BSM akan memaklumkan pemohon agar membuat pendaftaran sebelum login ke sistem ini.
2. Pemohon yang layak mendaftar adalah berdasarkan pengumuman surat tawaran yang diuruskan oleh pihak SPA dalam jangka waktu yang ditetapkan mengikut kumpulan (batch). Pengumuman berkenaan dengan calon-calon pemohon juga yang layak juga akan dimaklumkan melalui secara **email.**

Ruang Pendaftaran Baru








**Pendaftaran Sistem eDentist**
Bahagian Sumber Manusia, KKM <bsm3@moh.gov.my>
Sent: Wed 07-Dec-16 9:43 AM
To: MOHD KHAIRUL ANWAR BIN ZAINAL

Tuan

**PEMBERITAHUAN MAKLUMAT PENDAFTARAN SISTEM eDentist**

Sukacita dimaklumkan pendaftaran tuan/puan adalah seperti berikut :

No. Kad Pengenalan (MyKad) : **890223075390**

Kata Laluan : **abc123**

Kategori Pegawai : **PEGAWAI PERGIGIAN UG41**

Soalan Keselamatan : **What Is Your Pet''s Name?**

Jawapan Keselamatan : **cc**

Sekian, terima kasih.

Bahagian Sumber Manusia
Kementerian Kesihatan Malaysia



## LOGIN ke SISTEM e-Dentist

i. Pemohon perlu LOGIN dengan Klik **Log Masuk** untuk meneruskan permohonan ini setelah urusan pendaftaran telah berjaya.

ii. Sila masukkan maklumat NO. KAD PENGENALAN dan KATA LALUAN dan Klik HANTAR seperti paparan di bawah.






## Lupa Kata Laluan

1. Menu Lupa Kata Laluan adalah berfungsi untuk RESET (set semula) kata laluan (password) Pegawai Pergigian (pemohon)
2. Kata laluan yang baru akan dihantar melalui email yang didaftarkan semasa pendaftaran baru seperti paparan di bawah.
3. Selepas menerima kata laluan (password) yang baru pemohon boleh login semula ke sistem dan meneruskan permohonan penempatan.

**Pendaftaran Sistem eDentist**

Bahagian Sumber Manusia, KKM <bsm3@moh.gov.my>

Sent: Wed 07-Dec-16 9:43 AM

To: [redacted]

Tuan

**PEMBERITAHUAN MAKLUMAT PENDAFTARAN SISTEM eDentist**

Sukacita dimaklumkan pendaftaran tuan/puan adalah seperti berikut :

No. Kad Pengenalan (MyKad) [redacted]

Kata Laluan : **abc123**

Kategori Pegawai : **PEGAWAI PERGIGIAN UG41**

Soalan Keselamatan : **What Is Your Pet''s Name?**

Jawapan Keselamatan : **cc**

Sekian, terima kasih.

Bahagian Sumber Manusia
Kementerian Kesihatan Malaysia

**LOGIN BERJAYA**
**PAPARAN PERMOHONAN PENEMPATAN (MAKLUMAT PERIBADI)**

1. Apabila pemohon berjaya login ruang ini memaparkan Maklumat Peribadi bagi Pegawai Pergigian dan sesi permohonan yang dilaksanakan.
2. Pemohon perlu mengemaskini maklumat ini sekiranya terdapat kesalahan.
3. Klik **Seterusnya** untuk ke TAB PENDIDIKAN bagi memasukkan maklumat tambahan pendidikan pemohon






## TAB PENDIDIKAN

1. Ruang ini membolehkan pemohon memasukkan maklumat tambahan lain-lain kelayakan pendidikan selain daripada **SPM** dan **IJAZAH SARJANA MUDA.**



## TAB PENEMPATAN

1. **SILA BACA DENGAN TELITI MAKLUMAT** sebelum memilih penempatan.
2. Ruang ini membolehkan pemohon memilih penempatan berdasarkan Negeri dan kekosongan yang terpapar pada PILIHAN PENEMPATAN
3. Sekiranya pemohon memilih penangguhan, pemohonan akan dibawa ke FASA Pengambilan yang akan datang.




*__PERINGATAN!!!__ Ruang **Pilihan Penempatan** juga memaparkan **kekosongan** yang ada bagi sesebuah negeri.

## <u>TAB PENGAKUAN</u>

1. Ruang Pengakuan ini adalah peringkat yang terakhir sebelum pemohon menghantar permohonan penempatan yang berjaya dipilih.

2. **SILA BACA DENGAN TELITI MAKLUMAT** sebelum menghantar permohonan ini.






***PERHATIAN!!!**
**Pemohon boleh tukar pilihan penempatan sebelum menghantar PENGAKUAN dengan KLIK pada Tab PENEMPATAN**

# PERMOHONAN PENEMPATAN BERJAYA

1. Ruang ini memaparkan pilihan penempatan yang telah berjaya dipilih. Pemohon perlu mencetak semua Surat Tawaran dan Borang Kontrak Perjanjian seperti paparan di bawah. Pemohon juga digalakkan mencetak syarat-syarat kontrak dan Panduan mengisi Borang kontrak.

2. Pemohon disarankan agar muat turun (download) dahulu borang ini sebelum membuat cetakan (print)




*Contoh Surat Tawaran Penempatan*




5 muka surat

*Contoh Borang Kontrak Perjanjian*


kontrak_perjanjian_201611300020.pdf 1 / 4

**BORANG PERJANJIAN PEGAWAI KONTRAK (PELANTIKAN PERTAMA)**

No. Rujukan Fail: ( ) dlm.KKM500-7/50/201611300020

**PERJANJIAN INI** adalah dibuat pada ........**hari bulan**........**tahun**........ **DI ANTARA KERAJAAN MALAYSIA** (selepas ini disebut "Kerajaan" dan sebutan itu hendaklah termasuk mana-mana wakil Kerajaan yang diberi kuasa bertindak bagi pihak Kerajaan) sebagai satu pihak dengan **WAN DALILA BINTI WAN ISHAK** (selepas ini disebut "Pegawai") sebagai pihak yang satu lagi.

**MAKA ADALAH DENGAN INI DIPERSETUJUI** seperti berikut:

1. Kerajaan hendaklah mulai dari **10 Disember 2016** mengambil bekerja Pegawai dan Pegawai hendaklah berkhidmat dengan Kerajaan sebagai seorang **Pegawai Pergigian UG41 di Kementerian Kesihatan Malaysia** selama Tempoh Perkhidmatan dan tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang tersebut di bawah ini. Pelantikan

2. Tertakluk kepada syarat-syarat di dalam Perjanjian ini Tempoh Perkhidmatan Pegawai (selepas ini disebutkan "Tempoh Perkhidmatan") hendaklah berjalan terus-menerus **untuk tempoh tiga (3) tahun mulai tarikh melaporkan diri bertugas.** Tempoh Perlantikan

3. Enam bulan sebelum tamat Tempoh Perkhidmatan, Pegawai hendaklah memberitahu Kerajaan dengan notis secara bertulis sama ada ingin dilantik semula berkhidmat dengan Kerajaan dan berasaskan notis itu Kerajaan hendaklah sebelum tamat Tempoh Perkhidmatan Pegawai itu, memberitahu Pegawai dengan notis secara bertulis sama ada telah membuat keputusan hendak melantik semula Pegawai. Penyambungan Perkhidmatan

4. Pelantikan semula Pegawai oleh Kerajaan hendaklah atas syarat-syarat dan selama sesuatu tempoh masa sebagaimana yang ditetapkan oleh Kerajaan. Syarat Pelantikan

4 muka surat

*Contoh syarat-syarat pelantikan secara kontrak*


LampiranA_201611300020.pdf 1 / 5

**SULIT**

**LAMPIRAN A**

**SYARAT-SYARAT PELANTIKAN SECARA KONTRAK PEGAWAI PERGIGIAN GRED UG41 SEBAGAI PEGAWAI PERGIGIAN LANTIKAN BARU DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

| | | | |
|---|---|---|---|
| **1.** | **Jawatan** | : | Pegawai Pergigian Gred UG41 |
| **2.** | **Tempoh Kontrak** | : | 3 tahun sebagai Pegawai Pergigian Lantikan Baru termasuk memenuhi tempoh induksi atau apa-apa ketetapan yang ditentukan oleh Ketua Perkhidmatan dari semasa ke semasa. |
| **3.** | **Gaji** | : | RM 2,844.00<br>Pegawai layak dipertimbangkan untuk pergerakan gaji tahunan secara biasa berdasarkan kepada Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT). |
| **4.** | **Caruman** | | Pegawai adalah tertakluk kepada mencarum |

5 muka surat

## Permohonan Penempatan Lengkap

Proses permohonan penempatan pegawai pergigian telah lengkap. Paparan utama akan memaklumkan proses selepas ini yang perlu dilakukan oleh pemohon



# PENANGGUHAN PENEMPATAN

1. Penangguhan adalah bermaksud pemohon tidak memohon untuk **SESI** ini dengan sebab-sebab penangguhan yang dipilih. Sehubungan dengan itu, permohonan penempatan akan dilaksanakan pada **SESI** pengambilan yang akan datang.

2. Pemohon perlu melengkapkan maklumat peribadi dan pendidikan sebelum membuat penangguhan. Pilihan penangguhan ini boleh dibuat sekiranya penempatan yang dipilih tiada kekosongan.



## PENGAKUAN PENANGGUHAN

1. Ruang Pengakuan ini adalah peringkat yang terakhir sebelum pemohon menghantar permohonan PENANGGUHAN.

2. **SILA BACA DENGAN TELITI MAKLUMAT** sebelum menghantar permohonan ini.




### Permohonan Penangguhan Berjaya



*Contoh surat Penangguhan*




Setelah selesai membuat penangguhan, pemohon boleh Log out sistem permohonan penempatan pegawai pergigian (eDentist) ini.

